



SIARAN AKHBAR
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG
SESI PENGAJIAN 2018/2019
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Program penajaan Basiswa Yang di-Pertuan Agong telah mula diperkenalkan pada tahun 2006 khusus kepada calon yang mempunyai prestasi tinggi dalam akademik dan bukan akademik (ko-kurikulum) untuk melanjutkan pelajaran di peringkat **Kedoktoran (Ph.D)** dan **Sarjana** di dalam atau di luar negara.

Sebanyak **12 slot** penawaran basiswa ditawarkan, terdiri daripada **enam (6) di peringkat Ph.D** dan **enam (6) di peringkat Sarjana** dalam **bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-undang dan Kewangan Islam**.

Basiswa ini adalah untuk **mengiktiraf kebolehan luar biasa seseorang calon** dengan memberi **peluang meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi**. Pada masa yang sama, program ini merupakan satu bentuk pelaburan **Pembangunan Modal Insan** yang menyumbang kepada pembangunan masa depan negara.

Keutamaan diberikan kepada calon yang mendapat **keputusan akademik yang amat cemerlang iaitu CGPA sekurang-kurangnya 3.75** atau **kelas pertama atau setaraf dengannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana** serta bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif. Keutamaan juga diberikan kepada calon yang mempunyai

keupayaan yang luar biasa seperti penguasaan pelbagai bahasa serta kebolehan yang istimewa. Calon juga hendaklah **telah mendapat tawaran/ memulakan pengajian di universiti penyelidikan tempatan atau di universiti terkemuka di dunia yang dipersetujui oleh JPA bagi sesi pengajian 2018/2019**. Calon-calon yang layak dan berjaya disenarai pendek akan melalui proses pemilihan termasuk temuduga.

Syarat-syarat kelayakan secara khusus adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tahun memulakan pengajian;
- iii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau setaraf dengannya;
- iv. Calon yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif diberikan keutamaan;
- v. Calon yang mahir dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa diberikan keutamaan; dan
- vi. Telah mendapat tawaran/ memulakan pengajian di universiti penyelidikan tempatan atau di universiti terkemuka di dunia bagi sesi 2018/2019.

Penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong **terikat untuk berkhidmat di Malaysia untuk tempoh tidak kurang dari lima (5) tahun**. Oleh itu, penerima biasiswa yang telah menamatkan pengajian di luar negara **diwajibkan pulang ke tanahair selepas tamat tempoh tajaan**.

Permohonan boleh dibuat dengan mengisi Borang Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Sesi Pengajian 2018/2019 secara dalam talian (*on-line*) melalui portal <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai **jam 5.00 petang, 05 Februari 2018** sehingga

tarikh tutup permohonan *on-line* dan tarikh akhir bagi mengemukakan borang permohonan iaitu pada **2 Mac 2018**.

Maklumat penawaran juga boleh diperolehi dengan melayari portal tersebut atau menghubungi talian **03-88853546/ 3053/ 3571**.

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Februari 2018